Indeks Tekanan Pasaran Kewangan



Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI) dibangunkan pada tahun 2013[1] sebagai alat pemantauan risiko untuk pasaran kewangan. Indeks ini mengukur keadaan semasa dalam pasaran kewangan domestik dan membolehkan peristiwa tekanan kewangan yang berbeza dibandingkan dari semasa ke semasa. FMSI merekodkan tekanan kewangan dalam lima kelas aset domestik - pertukaran mata wang asing (FX), ekuiti, bon, pasaran wang dan institusi kewangan (FI). Penunjuk yang dipilih untuk membentuk indeks mengambil kira aspek yang berkaitan dengan volatiliti, spread kredit, mudah tunai dan kerugian penilaian dalam kelas aset yang berlainan. FMSI juga merekodkan komponen tekanan sistemik, yang mengukur korelasi bersilang antara pasaran yang berbeza. Peningkatan tekanan sistemik menunjukkan bahawa pasaran bergerak bersama secara serentak (korelasi berbilang aset yang lebih tinggi).

Cara Mentafsirkan Indeks:

Indeksnya berkisar antara 0 hingga 100%. Nilai yang menghampiri sifar menandakan keadaan pasaran kewangan yang normal manakala nilai yang menghampiri 100% menandakan tempoh tekanan pasaran kewangan yang melampau. Sebagai rujukan, semasa Krisis Kewangan Global, FMSI mencatat nilai 37.2% berbanding dengan tahap semasa 10.7% pada akhir bulan Februari 2018.

[1] FMSI dibangunkan berdasarkan Penunjuk Tekanan Sistemik Komposit (Composite Indicator of Systemic Stress, CISS) oleh Bank Pusat Eropah (ECB).